



PENULIS: EMMA MASRI FOTOGRAFI: MAZLAN YUNOS

PUTIH SERLAH

karya seni estetika

Terpesona. Itu sahajalah yang boleh penulis katakan sebaik melangkah masuk ke apartmen Vista Damai, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur yang berkeluasan 1400 kaki persegi ini. Apartmen ini merupakan projek usahasama antara firma perunding reka bentuk dalaman Environmental Design Practice Sdn Bhd (EDP) dan rakan kongsi, seorang pengumpul karya seni. Projek menitikberatkan fungsi sebuah kediaman dan galeri seni. Berikut merupakan penjelasan Yap Lip Pien, Pengarah Kreatif EDP mengenai konsep yang diketengahkan.



Bidai akrilik putih beroda daripada "Roselle Mont' Claire" nyata berjaya membentuk imej kemas, bersih serta sempurna sebagai kemas tingkap di seluruh ruang.



APAKAH KONSEP REKA BENTUK DALAMAN APARTMEN INI?

KONSEP reka bentuk mengetengahkan idea asas EDP iaitu 'Gaya elegan ringkas'. Ia boleh difahami melalui struktur garis lurus yang mudah. Aspek paling sukar dalam projek ini ialah untuk mengharmonikan penyatuan seni dan binaan agar menyerlah dengan keistimewaan masing-masing tanpa menjejaskan antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, kediaman ini perlu meletakkan objek yang betul dan juga persekitaran yang selesa.

PENGUBAHSUAIAN YANG DILAKUKAN

Proses pengubahsuaian mengambil masa lima bulan termasuk sebulan untuk kerja-kerja merobohkan dinding tertentu. Kontraktor yang dilantik terpaksa mengambil masa memahami beberapa kerja kemas sukar dan halus selain membiasakan diri dengan penggunaan bahan-bahan baru yang diperkenalkan. Asalnya apartmen ini mempunyai tiga buah bilik tidur dengan 2+1 bilik air. Ini semua diubah kepada dua buah bilik tidur, sebuah bilik bekerja, sebuah 'en-suite' (bilik yang digandingkan dengan almari pakaian binaan dalam dan bilik air) dan bilik solek. Dinding antara ruang dirobohkan untuk mewujudkan latar binaan tettingkat bagi menjelaskan definisi seni bina yang lebih baik, selain berfungsi untuk mengawal cahaya dan aliran udara ke seluruh ruang.

KAEDAH MEMPERSEMBAHKAN REKAAN

Pilihan bahan-bahan dan kemas akhir untuk rekaan dalaman adalah berasaskan rona putih. Putih dilihat mampu menyerlahkan kehadiran hasil kerja seni berestetika tinggi dengan kepelbagaian warna dan tema. Sebagai contoh, arca kristal pelbagai warna daripada Daum French merupakan paparan utama dan menarik perhatian, kesan keunikan dan keindahan warna yang diserlahkan. Selain itu, karya seni pelukis tempatan Eng Tay dan koleksi lukisan oleh pengkarya luar negara dipaparkan secara bergilir.

Untuk memperoleh latar natural, kami menukar kemas lantai marmar kepada kemas batu kuaz neoparies putih. Manakala untuk bilik tidur dan bekerja, kemas lantai asal yang menggunakan lantai parket ditukar kepada kemas lantai kayu maple daripada Ekowood.

Keadaan baru ini menerbitkan rona dan 'mood' yang lebih lembut dan hangat dalam ruang berkenaan.

MUKA SURAT INI; DARI ATAS: Biarpun ringkas, namun kebijaksanaan pereka memaksimumkan pengaruh cahaya lampu membolehkan ia mewarnai ruang apabila ditukar kepada empat warna berbeza; Luas dengan penekanan terhadap reka letak perabot serta pembahagian ruang yang bijak menggunakan panel akrilik paparan menarik.



PENCAHAYAAN YANG DIAPLIKASIKAN

Apartment sengaja direka dengan kaca jernih agar cahaya luar dapat menerangi ruang. Bagaimanapun, keamatan cahaya dikawal dan ditapis dengan kelebihan seni bina dan landskap. Sebagai contoh, bahagian ruang belakang apartment diubah menjadi ruang dapur moden berbumbung kaca. Mengawal kemasukan cahaya matahari secara langsung, pohon bambu China ditanam berhampiran bumbung kaca agar persekitaran lebih selesa dan terlindung terbentuk. **Pencahayaan antara ruang dikawal dengan menggunakan struktur binaan daripada pelbagai jenis bahan, tekstur dan warna seperti kaca berwarna dan panel akrilik.** Apabila cahaya melalui bahan-bahan ini, pelbagai kualiti cahaya terhasil. Pintu kaca jernih utama memisahkan ruang dapur dengan ruang tamu dan makan. Ia merupakan rekaan seni bina yang sempurna untuk mengawal pengudaraan dan membenarkan cahaya masuk tanpa halangan. Pintu ini boleh dibuka sehingga 360 darjah dengan menolak daun pintu.

Selain itu, gabungan cahaya tuju bawah dan lampu tuju digunakan bagi kualiti cahaya ruang maksimum. Pada bahagian tertentu contohnya di ruang tamu dan bilik tidur, cahaya berwarna merah jambu, biru, hijau dan putih kekuningan memberi limpahan cahaya menarik dan sempurna. Usaha menghasilkan pemandangan yang menarik ini dijayakan dengan usaha sama Lightcraft. Cahaya lampu ini boleh dilaras secara automatik agar cahaya berbeza dapat menerangi ruang tersebut seterusnya memberi mood ruang berbeza-beza.





UNSUR FENG-SHUI DALAM REKA BENTUK KEDIAMAN

Helen Kwek pakar feng-shui dan Naib Presiden Malaysian Institute of Geomancy Sciences telah memberi pandangan daripada sudut keserasian kedudukan ruang dan objek mengikut feng-shui. Sebagai contoh, kami meletakkan sebuah kolam ikan buatan beserta air pancuran mengikut lokasi yang dicadangkan. Bagaimanapun, bagi memastikan ia harmoni dengan keseluruhan reka bentuk dalaman kediaman, saiz kolam sederhana kecil dibina agar tidak menenggelami objek seni lain.

Perkara istimewa yang boleh dikongsi mengenai bilik tidur, bekerja dan en-suite dihubungkan melalui dinding yang boleh dibuka. Rekaan seumpamanya diterapkan agar **setiap ruang boleh berfungsi secara individu atau unit 'private', berasingan dari ruang tamu.** Perabot dan binaan dalam sungguh menarik perhatian, apakah ada sebarang alasan kenapa ia dipilih?



Sofa, kerusi dan meja makan merupakan rekaan klasik asli dan diimport oleh Plush dari Italcomm dan X-Tra. Sementara itu, perabot tempahan khas hasil rekaan EDP seperti perabot kekal untuk kepala katil, rak serta kaunter dapur turut menyempurnakan penampilan. **Semua perabot direka dan dipilih berdasarkan reka bentuknya yang ringkas dan bertekstur.**

Bagi bahan binaan, akrilik merupakan pilihan bahan terbaru untuk reka bentuk dalaman. Ia jernih seperti kristal dan paling utama setiap sambungannya tidak jelas kelihatan. Akrilik ini ditempah mengikut warna yang ditetapkan agar sesuai dengan aplikasi warna keseluruhan ruang serta kualiti lutcahayanya yang baik.

Almari pakaian dan sistem kabinet dapur menggunakan sepenuhnya kaedah binaan dalam. Kaedah ini amat popular untuk kediaman yang mempunyai ruang terhad. Ia lebih tersusun dan kemas selain memperlihatkan ruang yang lebih terancang. Apa yang pasti kami mahukan sesuatu yang bernilai untuk pelaburan yang menguntungkan bagi kegunaan jangka masa panjang. Sekiranya kalangan pembaca berminat dengan idea EDP ini, Yap Lip Pin bersedia berkongsi pandangan di www.edparchitects.com.my

